

## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	KOSMO	
TARIKH	:	24/8/2019	MUKA SURAT : 4
JABATAN	:	KATS	
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>	

Dr. Mahathir tegaskan tanaman sawit dibangunkan secara mampan

# Industri sawit tidak jejas hutan

**KUALA LUMPUR** – Dakwaan mengaitkan minyak sawit dengan penebangan hutan adalah tidak berasas sama sekali, tidak adil dan tiada justifikasi, kata Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad semalam.

“Malaysia telah dituduh meletakkan keperluan kepada pembangunan di hadapan keperluan untuk menjaga hutan dan isu penebangan hutan untuk penghasilan minyak sawit adalah isu yang seringkali diperjuangkan oleh para pengkritik kita,” katanya semasa berucap merasmikan pameran ‘Hutan Kita’ di Menara Kuala Lumpur’ di sini semalam.

Pameran ‘Hutan Kita’ - *Journey Through Our Rainforest* itu diadakan di Tower Terrace, Menara Kuala Lumpur dari 24 Ogos hingga 22 September anjuran Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli.

Menurutnya, dakwaan negatif kepada Malaysia yang sangat bergantung kepada minyak sawit untuk meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi rakyat untuk membolehkan Malaysia mencapai Matlamat-matlamat Pembangunan Lestari (SDG).

“Ta juga mempunyai kesan buruk yang besar kepada perusahaan tanaman kelapa sawit termasuk 650,000 pekebun kecil selain seramai 1.5 juta orang lagi yang bekerja dalam rantaian bekalan minyak sawit.

“Hakikatnya ialah industri minyak sawit di Malaysia telah dibangunkan secara mampan dan bertanggungjawab. Kerjasama dalam mematuhi SDG telah dilaksanakan langkah-langkah untuk memastikan industri itu tidak menyebabkan kemerosotan alam sekitar selain mengelakkan amalan yang tidak mam-



DR. MAHATHIR (tiga dari kanan) melawat pameran ‘Hutan Kita’ selepas merasmikannya di Menara Kuala Lumpur semalam.

pan seperti kemusnahan hutan dan habitat hidupan liar,” ujarnya.

Dr. Mahathir memberitahu,

industri minyak sawit Malaysia sedang memberi fokus kepada peningkatan produktiviti dan hasil berbanding memperluas-

kan kawasan bagi mengelak penebangan hutan dan pertukaran guna tanah sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Sementara itu, katanya, Malaysia tidak memungkiti iktar yang dibuatnya pada Sidang Kemuncak Bumi di Rio pada 1992 bahawa negara ini komited untuk mempertahankan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada kawasan tanahnya diliputi hutan.

“Hutan Malaysia kini meliputi 55.3 peratus daripada 18.28 juta hektar jumlah keseluruhan tanah di negara kita, melebihi komitmen asal Malaysia yang dibuat pada Sidang Kemuncak Bumi Rio semasa saya menjadi Perdana Menteri pada waktu itu.

“Ini melambangkan kezamaman dan komitmen negara untuk memastikan kita memelihara hutan kita, flora dan faunanya secara mampan,” ujarnya. – Bernama